

**Kuala Nerus**

## UniSZA jalin persefahaman tambah pelajar dengan 10 universiti Jordan



**DR Ahmad Zubaidi (kiri) menyerahkan dokumen MoU kepada Presiden Universiti Philadelphia, Jordan, Prof Mutaz A Sheikh Salem.**

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menjalin persefahaman dengan 10 universiti dari Jordan untuk menambah jumlah pelajar dari negara di Timur Tengah itu mengikuti pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD).  
Universiti dari Jordan yang menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan UniSZA itu ialah Universiti Sains dan Teknologi Jordan, Universiti Philadelphia, Universiti Yarmouk, Universiti Al-Zaytoonah, Universiti Al-Ahliyya Amman, Universiti Zarqa, Universiti Amman

Arab, Universiti Isra, Universiti Iadara dan Universiti Irbid National.

Naib Canselor UniSZA Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif berkata, kerjasama itu bertujuan mempromosikan UniSZA khususnya bagi program peringkat pasca ijazah iaitu sarjana dan PhD kepada calon pelajar dari Jordan.

Menurutnya, pihaknya juga akan bekerjasama dalam bidang penyelidikan dengan universiti berkenaan dan mengadakan pertukaran penuntut serta kakitangan, sekaligus mampu memperoleh manfaat bersama.